

# Program Selangkah Ke Universiti

## Untuk pelajar di sembilan kawasan parlimen di Sabah

UB 06.07.2012 B6

**KOTA KINABALU:** Seramai 277 pelajar daripada sembilan kawasan parlimen di negeri ini iaitu Kudat, Sandakan, Silam, Semporna, Beaufort Sipitang, Pensiangan, Kota Belud dan Keningau telah menyertai Program Selangkah Ke Universiti di Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini.

Program yang berlangsung selama tiga hari ini dianjurkan oleh Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) dengan kerjasama UMS bertujuan memperkasa rakyat melalui usaha meningkatkan kesedaran di kalangan pelajar luar bandar mengenai peluang belajar di menara gading.

Perasmian penutup program itu disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pengangkutan Datuk Abdul Rahim Bakri dan turut dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UMS, Prof Madya Datuk Dr Kassim Mansur dan Isteri Yang Dipertua Dewan Rakyat, Puan Sri Hadijah Teng Abdullah.

Menurut Pengerusi Penganjur, Datin Maizatul Akmam Alawi, objektif program memberikan pendedahan kepada para pelajar Tingkatan 4 dengan alam unversiti untuk memberikan gambaran



**SEBILANGAN** pelajar dari sembilan kawasan Parlimen yang terpilih menyertai program itu. Sementara gambar kecil adalah Maizatul.

“Para pelajar akan dibawa ke universiti dan menjalani proses penerapan serta pendedahan kehidupan di kampus. Kumpulan sasar adalah pelajar yang tidak mempunyai ahli keluarga melanjutkan pengajian di universiti dan mereka yang mempunyai potensi untuk berjaya,” katanya ketika ditemui selepas penutupan program itu.

Tambah Maizatul yang juga Setiausaha Politik Menteri

Kewangan Sabah, sejak program itu diperkenalkan pada 2010, lebih 6,000 pelajar Tingkatan 4 di seluruh negara dapat menikmati manfaat program.

Katanya, Bakti menyedari hakikat tentang kepentingan pendidikan di negara ini di mana sebuah negara yang cemerlang memerlukan modal insan yang terlatih, terdidik dan mampan, yang merupakan strategi jangka panjang bagi membebaskan

masyarakat daripada belenggu kemiskinan.

“Program ini sedikit sebanyak turut memberikan anjakan paradigma kepada peserta bagi memberi semangat kepada mereka untuk terus belajar bersungguh-sungguh dan seterusnya memasuki alam universiti dengan lebih yakin,” katanya.

Sementara itu, Abdul Rahim yang juga Ahli Parlimen Kudat berharap para peserta akan menjadikan program itu sebagai penerapan awal kepada mereka untuk mengenali universiti secara lebih dekat sekali gus mencetuskan azam kepada mereka untuk menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Katanya, program itu turut membuka mata para pelajar mengenai peluangsertakemudahan pendidikan yang disediakan oleh kerajaan.

“Gunakanlah peluang dan kemudahan yang sedia ada untuk memajukan diri dalam bidang pendidikan dengan menyemai sikap serta semangat untuk rajin belajar demi masa depan yang lebih cemerlang,” katanya.

Sambil berharap program itu dapat diteruskan pada masa akan datang, Abdul Rahim berkata ia dapat memberikan pendedahan kepada para remaja dengan kehidupan sebenar sebagai seorang mahasiswa.

jelas misi mereka, memberikan semangat kepada pelajar untuk terus belajar bersungguh-sungguh di samping menggalakkan pelajar universiti untuk terlibat dengan aktiviti kemasyarakatan.



**ABDUL**Rahim menyampaikan sijil penyertaan kepada salah seorang pelajar perempuan.



**ABDUL**Rahim menyampaikan sijil penyertaan kepada salah seorang pelajar lelaki.